

# Komputer riba 1Malaysia diagihkan

Archival News | Utusan Malaysia | 15/08/2011

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Seramai 400 pelajar di enam buah sekolah sekitar Lembah Pantai di sini menerima komputer riba 1Malaysia untuk kegunaan harian dan juga bagi membantu meningkatkan penguasaan pelajaran mereka.

Mereka terdiri daripada pelajardi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Pantai seramai 120 orang, SMK (P) Methodist (20), SMK Dharma (40), SMK Bukit Bandaraya (50), SMK Petaling (85) dan SMK Bangsar (85).

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata, penyerahan itu adalah sebahagian daripada 5,623 komputer riba yang akan diagihkan kepada sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan.

Menurutnya, penyerahan di kawasan Parlimen Lembah Pantai itu adalah yang pertama dan ia akan diteruskan di kesemua 12 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan selepas ini.

Ujarnya, pemberian itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar menggunakan kecanggihan teknologi untuk memudahkan proses pembelajaran mereka. "Diharapkan ia akan digunakan sebaik mungkin oleh para pelajar supaya ia dapat memberi manfaat kepada mereka terutamanya dalam meningkatkan prestasi pembelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan komputer riba 1Malaysia bagi Parlimen Lembah Pantai di Pusat Komuniti Lembah Pantai di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Wilayah Tengah, Zakiah Ali. Sebanyak satu juta komputer riba 1Malaysia diperuntukkan menerusi inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada tahun lalu.

Komputer riba tersebut akan diberikan kepada pelajar sekolah menengah yang kurang berkemampuan di seluruh negara. Sementara itu, Zakiah berkata, SKMM akan cuba mempercepatkan proses pengagihan komputer riba 1Malaysia di seluruh negara

dan ianya dijangka selesai dalam masa terdekat. Katanya, selain itu, antara objektif lain pemberian ini adalah untuk mencapai sasaran penembusan jalur lebar pada kadar 50 peratus akhir 2010 dan 75 peratus menjelang akhir 2015.

(END)

(Source by: Utusan Malaysia)